KALENDAR PERISTIWA
Mei – Jun 2007

14 Mei 2007

Bank Negara Malaysia menganjurkan Pameran Negara Malaysia di Dubai sempena Sidang Kemuncak Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) Keempat. Pameran ini ialah sebahagian daripada inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysian Islamic Financial Centre, MIFC) untuk menarik para pelabur, khususnya dari Timur Tengah, untuk melabur di Malaysia. Acara ini telah menarik ahli-ahli bank, pengurus-pengurus dana dan syarikat-syarikat dari rantau tersebut. Dalam ucapan pembukaannya, Dato' Mohd Razif Abdul Kadir, Timbalan Gabenor berkata bahawa Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong aliran pelaburan antara Asia dengan Timur Tengah melalui penyediaan perkhidmatan dan produk kewangan Islam.

15 Mei 2007

Pada Sidang Kemuncak IFSB Keempat, Gabenor menyentuh tentang keperluan pendekatan merentas sektor dalam pengawalseliaan perkhidmatan kewangan Islam bagi membina sistem kewangan Islam yang berdaya maju dan mampan. Menurut beliau, usaha untuk memperkukuh arkitektur kewangan Islam antarabangsa dan meningkatkan kerjasama antarabangsa perlu diteruskan untuk menghadapi persekitaran yang sangat dinamik dan berubah dengan pantas.

16 Mei 2007

Bank Negara Malaysia menandatangani Perjanjian Murabahah Komoditi dengan Saudi Hollandi Bank Arab Saudi – institusi perbankan Islam yang pertama di luar Malaysia yang berbuat demikian. Program Murabahah Komoditi yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Mac 2007, merupakan sebahagian daripada pelbagai instrumen dasarnya untuk menguruskan kecairan jangka pendek dalam pasaran wang antara bank Islam di Malaysia. Sebelum itu, Bank Negara Malaysia telah memeterai perjanjian induk Murabahah Komoditi dengan lapan institusi perbankan Islam tempatan. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan inovasi produk dalam memudahkan pengurusan kecairan institusi kewangan Islam. Penyertaan institusi kewangan Islam asing akan terus memperkukuh hubungan merentas sempadan dan juga aliran pelaburan antara pusat kewangan Islam. Bank Negara Malaysia kemudiannya menandatangani perjanjian yang sama dengan CIMB Bank London pada 20 Jun 2007.

28 Mei 2007

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat keempatnya tahun ini memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (overnight policy rate, OPR) pada paras 3.50%. MPC dalam kenyataannya menekankan bahawa meskipun pertumbuhan eksport adalah sederhana, permintaan dalam negeri yang kukuh telah menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Inflasi bagi empat bulan pertama tahun 2007 berada pada kadar purata 2.4% dan telah meneruskan trendnya yang menurun. Kadar inflasi bagi keseluruhan tahun 2007 dijangka berada dalam julat yang diunjurkan, iaitu 2 - 2.5%.

30 Mei 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia terus berkembang 5.3% pada suku pertama tahun 2007 (S4 2006: 5.7%). Permintaan dalam negeri yang didorong aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor swasta telah diperkukuh oleh perbelanjaan pelaburan awam yang meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh pengembangan sektor perkhidmatan yang kukuh dan aktiviti pembinaan yang lebih giat.

18 Jun 2007

Pada Sidang Kemuncak Pelaburan & Kewangan Malaysia–Indonesia di Jakarta, Indonesia, Gabenor menyatakan tentang keperluan untuk mempertingkatkan integrasi kewangan di rantau Asia Tenggara – rantau Nusantara Baharu – yang merangkumi Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Integrasi kewangan yang dipertingkatkan akan menjadi pemangkin berkesan bagi pengembangan perdagangan dan pelaburan antara rantau pada masa hadapan, yang bakal menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan kendiri dan saling memperkukuh di rantau ini. Gabenor turut menekankan bahawa kerjasama yang lebih erat antara pihak berkuasa monetari dan pengawalseliaan di rantau ini akan memperkuat daya tahan dan mengelakkan rantau ini daripada terlalu mudah terjejas akibat perkembangan luaran.

20 Jun 2007

Pada Sidang Kemuncak Sukuk 2007 di London, Gabenor menyampaikan ucaptamanya yang menerangkan pencapaian Malaysia dalam membangunkan pasaran sukuk dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan pasaran modal Islam global. Beliau turut menyentuh mengenai peranan penting yang boleh dimainkan oleh pasaran sukuk dalam pembangunan ekonomi serta peranan kewangan Islam dalam memperluas hubungan ekonomi dan kewangan ke rantau lain di dunia. Yang lebih penting, Gabenor menyeru agar kerjasama global dijalin dalam kalangan komuniti kewangan antarabangsa untuk membangunkan pasaran kewangan Islam.

26 Jun 2007

Bank Negara Malaysia memperkenalkan struktur penentuan harga berperingkat untuk pengguna kad kredit bagi menggalakkan penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan pengurusan kewangan berhemat dan menanam disiplin kewangan yang baik dalam kalangan pengguna kad kredit di Malaysia. Di bawah skim baharu ini, pengguna kad kredit yang mempunyai rekod pembayaran balik yang baik akan menikmati caj kewangan yang lebih rendah, iaitu tidak lebih daripada 15% setahun, berbanding dengan kadar maksimum semasa sebanyak 18% setahun. Pengeluar kad kredit akan mula memantau tabiat pembayaran balik mulai 1 Julai 2007 dan struktur penentuan harga berperingkat akan dilaksanakan menjelang 1 Julai 2008.